

LIVE

THE DIFFERENCE

J I D I L 2 , 2 0 1 7

KDN NO: PP15838/07/2012(030848)





08



06



KANDUNGAN

04 KISAH BERTEMA
Selamat Jalan!

12 TUMPUAN
Mari Bercakap Mengenai "Me"!

06 INDIVIDU
Kegembiraan Adalah Mengembara!

14 BUDAYA
Biarkan Mereka Bangga!

08 PRODUK
PENJAGAAN KULIT:
Kekal Cantik Ketika Percutian!
PENJAGAAN KESIHATAN:
Kekal Sihat Semasa Percutian

16 PELUANG
Snapshots



Selamat Jalan

Melancong adalah sesuatu yang paling mengujakan untuk melarikan diri dari kehidupan seharian yang membosankan. Ianya boleh menjauhkan diri anda dari kesibukan kerja harian dengan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti di tempat-tempat eksotik dan menarik, ia juga memberikan anda pengalaman yang baru untuk diceritakan kepada rakan-rakan dan keluarga!

Melancong ke serata dunia boleh memberikan keseronokan di dalam kehidupan anda. Anda boleh menimba pengalaman baru, mengenali ramai orang, mempelajari kepelbagaian kebudayaan dan tempat-tempat menarik. Diri anda akan sarat dengan pengalaman baru yang menakjubkan! Selain daripada merancang dan berfikir tentang keenakan makanan yang akan anda nikmati, tahukah anda apa yang terbaik tentang pergi melancong sebenarnya? Sudah pasti, menikmati dan berkongsi pengalaman percutian dengan seseorang yang disayangi!

Semakin meningkat usia, anda akan menyedari yang masa terluang untuk ibu bapa anda semakin terhad. Kerjaya, melancong, mempunyai keluarga sendiri dan mengekalkan hubungan dengan kawan-kawan menghadkan masa anda bersama kedua ibu bapa. Sepertimana kata pujangga, hidup ini singkat dan ibu bapa kita tidak akan bersama dengan kita selama-lamanya. Meluangkan masa dan melancong dengan ibu bapa boleh membantu mengeratkan hubungan anda dengan mereka setelah anda dewasa. Ia juga membantu anda untuk memahami dan lebih menghargai hubungan kekeluargaan dengan mereka di sepanjang kehidupan anda.

Masih ingatkah lagi kenangan percutian indah bersama ibu bapa anda pada suatu

waktu dahulu? Ini adalah masa yang terbaik untuk membalas budi mereka. Lagipun mereka juga memerlukan rehat! Melancong adalah cara yang terbaik untuk mengeratkan hubungan dengan ibu bapa anda. Jadi pada Hari Ibu Bapa ini, mengapa tidak merancang percutian dan bawa ibu bapa anda untuk pengalaman terbaik seumur hidup mereka! Tanya ibu bapa anda tentang tempat percutian idaman mereka; ketahui tentang semua perkara yang ingin mereka capai di dalam kehidupan ini atau senaraikan impian mereka. Anda akan teruja bila men getahui beberapa perkara yang anda tidak pernah tahu sebelum ini.

Sebenarnya, perbuatan adalah lebih bermakna daripada perkataan dan membawa ibu bapa anda melancong bersama anda adalah salah satu cara untuk menyatakan sekuat-kuatnya “Saya sayang ibu dan ayah!”. Membawa ibu bapa anda ke percutian yang menjadi idaman sudah pasti akan menggembirakan mereka, dan ianya juga akan memberi peluang untuk anda sekeluarga mencipta kenangan terindah yang akan diabadikan sepanjang hayat.

Dunia ini terhampar luas, jadi luangkanlah masa dan bawa ibu bapa anda untuk menjelajahnya. Jom Melancong dan Mulakan Pengembaraan!

Selamat Mengembara!



KEGEMBIRAAN ADALAH *Memgembara*

Percutian keluarga dengan ibu bapa anda adalah cara yang terbaik untuk mencipta kenangan di masa yang sama menikmati perubahan pemandangan. Sebagaimana ibu bapa anda yang telah membawa anda ke percutian yang indah dan kenangannya kekal terpahat di dalam hati anda, anda boleh membalas budi dengan membawa mereka bersama di percutian anda!

Apakah kenangan paling indah semasa pergi mengembara dan bercuti bersama ibu dan bapa anda?

“Semasa kami masih kecil, ibu bapa kami telah membawa kami melihat dunia, dari Malaysia hingga ke Eropah dan Amerika. Kini, tibalah giliran kami untuk membawa mereka menikmati dan mengembara dunia! Melalui peluang Nu Skin, kami sekarang mampu membawa ibu bapa kami ke negara-negara yang belum pernah mereka lawati. Dari terjatuh ke dalam salji yang lembut di Hokkaido, hinggalah belayar dengan kapal persiaran mewah yang terbesar di dunia, meluncur laju meredah lautan di segenap benua. Setiap perjalanan amat istimewa dan terpahat di ingatan! Tetapi kenangan yang paling saya ingat dan hargai ialah apabila saya dapat memegang tangan ibu bapa saya, sebagaimana mereka pernah memegang tangan saya semasa saya masih kecil, ketika mereka membawa saya melihat dunia”.

K C Kang & Willing Tan
1 Million Dollar Circle, 1 Year Team Elite Platinum & 3 Year Team Elite

“Keluarga bukan sahaja penting, tetapi ianya adalah segala-galanya buat kita. Adakalanya kita terlalu sibuk dengan kehidupan seharian sehingga kita lupa bahawa ibu bapa kita juga semakin tua. Apabila masa berlalu, kita mula menyedari bahawa hadiah terbaik untuk mereka adalah meluangkan masa berkualiti bersama mereka, dan kami tidak akan dapat melakukannya jika bukan disebabkan oleh landasan perniagaan Nu Skin. Masa yang kami luangkan bersama mereka bila mereka amat memerlukan, kami juga tidak pernah terlepas sebarang sambutan atau perayaan, membawa mereka bercuti sepertimana mereka membawa kami ketika kami masih kanak-kanak, adalah perkara yang terbaik yang boleh dilakukan, dan momen indah tersebut amat bernilai dan sangat dihargai”.

Go Choon Seong & Kwang Lee Teng
1 Million Dollar Circle & Blue Diamond Executive

“Kami gemar mengembara kerana ianya membolehkan kita menikmati dan merasai sendiri pengalaman hidup yang sangat berharga. Kami bersyukur kerana berkemampuan membawa ibu bapa kami melancong dan mengembara mengelilingi dunia; sebagaimana mereka pernah membawa kami ke sana sini, melawat tempat-tempat menarik di zaman kanak-kanak! Adakalanya, ibu bapa kami dengan berbesar hati akan melihat semula gambar-gambar yang diambil bersama dan mula mengenang kembali momen yang penuh dengan kasih sayang semasa percutian itu. Mereka tidak meminta banyak dari kita, tetapi kita tahu yang masa adalah hadiah terbaik yang boleh kita beri kepada ibu bapa kita. Terima kasih kepada Nu Skin, kini kami boleh melahirkan rasa penghargaan kepada orang yang paling penting di dalam kehidupan kami.”

Wong Chee Siong & Ng Lee Nah
1 Million Dollar Circle & Blue Diamond Eksekutif

“Membesar di dalam keluarga yang sederhana tidak membolehkan kami untuk menjelajah ke sekeliling dunia. Namun begitu, ibu bapa kami berusaha memberi yang terbaik untuk mencipta kenangan kanak-kanak yang indah buat kami. Kami seronok mengembara bersama ibu bapa kami setelah mencapai kejayaan di dalam perniagaan Nu Skin. Salah satu lawatan yang tidak dapat kami lupakan adalah Lawatan Kumpulan Elite ke Amerika Syarikat pada tahun 2011. Ianya merupakan acara gilang gemilang di mana pihak syarikat telah mengaturkan kejutan pertunjukan bunga api di hadapan Statue of Liberty bagi meraikan kejayaan kami. Satu lagi kenangan manis ialah ketika menyambut Hari Ibu dengan keluarga kami di Amsterdam. Lambakan bunga tulip merah membuatkan ibu-ibu kami menangis dengan kegembiraan! Pada masa itu kami berpelukan sambil mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada kedua-dua ibu kami. Itu adalah momen yang paling membahagiakan. Kami amat bersyukur kerana telah membuat keputusan yang tepat dan pada masa yang tepat. Terimakasih Nu Skin, upline kami dan pasukan kami yang telah membentuk siapa kami pada hari ini!”

Nicholas Yeo & Gan Kok Hong
5 Million Dollar Circle, 3 Year Team Elite Platinum & 7 Year Team Elite



BEAUTY On The Go!

Musim Cuti Sekolah dan Hari Ibu Bapa bakal menjelma menghampiri. Tibalah masa untuk anda membersihkan habuk pada beg pakaian dan mula mencari tempat yang sesuai untuk percutian keluarga. Lagipun, bukannya selalu anda dapat pergi bercuti bersama seluruh ahli keluarga.

Sama ada anda sukakan percutian berjadual padat melawat kota, berehat santai di mana anda boleh mengembalikan tenaga, merawat minda dan rohani atau destinasi untuk menghiburkan anak-anak dan ibu bapa, kelihatan anggun walau dalam percutian adalah perkara penting yang anda tidak boleh ketepikan.

Kelihatan menawan semasa percutian tidaklah mustahil. Anda hanya perlu ikuti beberapa tips mudah menjaga kecantikan semasa bercuti ini untuk mengekalkan kulit supaya kelihatan segar dan hebat semasa anda bercuti jauh dari rumah.



1. KEMALKAN KELEMBAPAN KULIT ANDA

Menaiki kapal terbang, perjalanan darat yang jauh atau menyesuaikan diri dengan cuaca yang baru menyebabkan penyahhidratan yang mengakibatkan kulit menjadi kering terutama kepada mereka yang sudah berusia. Oleh itu, bawalah bersama anda **NaPCA Moisture Mist** ke mana jua anda pergi untuk membantu menghalang kesan penyahhidratan!

Mengandungi rumusan pelembap semula jadi seperti NaPCA, asid hyaluronik dan urea, NaPCA Moisture Mist membantu untuk melembapkan kulit anda setiap masa dan di mana jua hanya dengan semburan pantas, memberikan sensasi nyaman dan kesegaran segera, di masa yang sama ianya juga menghidratkan kulit anda dan menyegarkannya.

2. ELAKKAN KULIT MENJADI KUSAM

Kulit yang kusam boleh melunturkan keceriaan ketika bercuti. Dengan **Tri-Phasic White Radiance Mask**, kecerahan wajah lebih terserlah. Direka khusus untuk mengembalikan keserian wajah semula jadi anda, topeng pelembap ini mengandungi ramuan terpilih yang mampu mengurangkan kesan kepudaran warna kulit dan mengekalkan kecerahan kulit agar kelihatan berseri, menawan.

Kelihatan sempurna, tanpa cela di setiap gambar yang diambil kini menjadi lebih mudah. Ucapkan selamat tinggal kepada kulit kusam dan pudar, katakan hello kepada #kulitsempurna, #wajahberseri di dalam Instagram, Facebook dan Snapchat anda bersama keluarga!

3. LINDUNGI KULIT DARI SINAR UV YANG MERBAHAYA

Setiap orang sukakan sedikit warna keperangan pada kulit kesan berjemur semasa bercuti, tetapi untuk melindungi kulit anda daripada terbakar seperti udang galah, pelindung matahari adalah suatu kemestian untuk setiap orang. Berada di bawah sinaran matahari terlalu lama tanpa sebarang perlindungan boleh menyebabkan kulit kelihatan berbelak-belak, tona kulit yang tidak sekata dan membuatkan anda kelihatan lebih tua dari umur anda.

Tidak kira sama ada anda berada di bawah terik matahari atau tinggal di dalam rumah di sepanjang percutian, pastikan anda menggunakan secukupnya pelindung matahari **SunRight 50 SPF 50 PA+++** yang memberikan perlindungan spektrum meluas dan melindungi kulit daripada rosak akibat sinaran UV yang merbahaya.

Mengekalkan kulit supaya kelihatan segar dan sihat semasa dan selepas percutian yang panjang bukannya mudah. Tetapi dengan tips kecantikan yang diberikan ini, anda boleh mengembara dan menikmati percutian dengan selesa dan sentiasa kelihatan cantik menawan! Selamat Bercuti!



KEKAL SIHAT SEMASA Percutian


Setiap orang sukakan percutian. Ada sesuatu yang mengujakan tentang pergi melancong dan menjelajah dunia yang luas di luar sana. Salah satu cara terbaik untuk menikmati pengalaman percutian yang hebat ialah dengan seseorang yang anda sayangi. Bersempena dengan Hari Ibu Bapa yang hampir tiba, mengapa tidak anda tunjukkan penghargaan dengan melancong bersama ibu bapa anda?

Pergi melancong adalah hadiah yang terbaik dan menggembirakan buat Ibu atau Bapa anda. Namun begitu, pergi bercuti mungkin boleh menjadi suatu cabaran. Selalunya anda lebih cenderung untuk melupakan amalan diet harian apabila pergi bercuti. Anda pasti mahu mencuba makanan yang kelihatan lazat atau mengunjungi kedai makan yang terkenal, dan ini mengakibatkan anda terlebih makan makanan yang kurang khasiatnya, yang tidak diperlukan oleh tubuh. Pergi bercuti dan mengembara memerlukan tenaga yang banyak dan kita harus pastikan

paras tenaga kita berada di tahap yang maksimum untuk benar-benar menikmati keseronokan bercuti.

Kekurangan nutrisi dan tenaga boleh menyumbang kepada keletihan dan risiko jatuh sakit. Menghabiskan masa percutian di hospital dengan bil bayaran hospital yang mahal adalah perkara terakhir yang anda mahukan! Oleh itu, adalah penting untuk anda membina keperluan asas nutrisi dan memantapkan fizikal dan mental sebelum bercuti.

1 LIFEPAK®



1. NUTRISI ASAS UNTUK MENGEMBARA!

Bantu ibu bapa anda mengekalkan kesihatan dengan **LifePak®**, sistem pemakanan tambahan kaya nutrisi yang komprehensif, yang membekalkan antioksidan penting, phytonutrients, vitamin, mineral dan unsur surih untuk keperluan kesihatan harian yang diperlukan oleh tubuh manusia.

Mengandungi tujuh formula di dalam satu paket, LifePak® mensasarkan kepada masalah kekurangan nutrisi, mengimbangi nutrisi tulang, meningkatkan sistem imun, menyokong metabolisme gula di dalam darah, melindungi tubuh dengan nutrien kardiovaskular, meningkatkan pertahanan antioksidan dan melindungi tubuh daripada gejala penuaan.

Merupakan satu sistem pemakanan tambahan yang lengkap, LifePak® amat sesuai untuk setiap orang dewasa berumur 18 tahun dan ke atas. Didatangkan dengan paket individu yang ideal sebagai teman percutian kerana ianya mudah dibawa ke mana jua anda pergi!

2 ageLOC® R² PACK



2. KEKAL BERTENAGA SETIAP HARI!

Apabila ibu bapa anda meningkat usia, adalah amat sukar untuk mereka mengekalkan kecergasan sepanjang hari. Sentiasa berasa letih dan lesu tentunya akan merosakkan percutian mereka. Sebenarnya, kunci kepada keremajaan berada di dalam gen mereka. Bila ibu bapa anda meningkat tua, cara gen berhubung dengan sel-sel berubah dan ini boleh mengurangkan keupayaan sel mereka untuk berfungsi secara optimum. Fenomena penuaan ini merupakan sebahagian daripada kesan perubahan ekspresi Youth Gene Clusters (YGCs) yang berkaitan dengan dua proses penting, penulenan sel dan pengeluaran tenaga.

Bantu ibu bapa anda untuk sasarkan sumber penuaan dengan dua tindakan daripada **Peck ageLOC® R²**. Diambil pada waktu pagi, ageLOC R² Day membantu mengoptimalkan pengeluaran tenaga sel untuk membantu mereka mengecaskan semula dan kekal cergas sepanjang hari; di masa yang sama pengambilan ageLOC® R² pada waktu malam membantu untuk menggalakkan sistem penulenan sel termasuklah pembuangan bahan kumuh dan bahan sampingan pencernaan, melindungi struktur sel daripada kerosakan akibat bahan toksin dan memperbaiki struktur sel rosak, membolehkan ibu bapa anda memulakan setiap hari dengan rasa segar dan bertenaga.

Mengembara adalah ubat untuk jiwa, tetapi ianya bukan selalunya indah dan menyeronokkan. Terima kasih kepada teknologi ageLOC® Nu Skin, anda sekarang mampu untuk membantu ibu bapa anda berasa lebih muda dan kekal lebih sihat, lebih cergas di sepanjang percutian!

Tumpuan

MARI BERCAKAP MENGENAI Me

Setiap individu adalah luarbiasa, hebat dan unik dengan keperluan yang berbeza. Hanya ada SATU anda di dunia ini, jadi mengapa anda harus berpuas hati dengan produk penjagaan kulit yang serupa dengan kebanyakan orang lain? Menggunakan teknologi tercanggih serta formulasi unggul anti-penuaan, Nu Skin telah berjaya mendefinisikan semula penjagaan kulit dengan terhasilnya ageLOC Me™, suatu 'mesin masa untuk kecantikan' yang menawarkan regimen penjagaan anti-penuaan kulit berevolusi yang disuai padankan oleh anda, untuk anda!

Teknologi ageLOC® membantu menyasarkan sumber penuaan dan mengekalkan keremajaan. Ianya juga mampu mengelakkan penampilan hiperpigmentasi dan tompok penuaan bagi menyerlahkan tona kulit yang lebih sekata, wajah cerah berseri.

Peranti hebat bercirikan teknologi Microlayering™ yang menggabungkan beberapa pilihan serum terbaik menjadi 40 lapisan, berupaya

merumuskan dos-dos anti penuaan paling efektif ke dalam 5 produk penjagaan kulit ageLOC Me™ yang boleh disuai padan sehingga 2000 kombinasi regimen. Kombinasi tersebut terhasil berdasarkan faktor rantau geografi, gaya hidup, masalah dan keperluan kulit serta pilihan anda sendiri di dalam satu pengkhususan, regimen pagi dan malam yang mudah digunakan.

LIMA PRODUK BERKUASA

ageLOC Me™ day

Permulaan sempurna untuk hari anda, pelembap ageLOC Me™ Day membekalkan kelembapan bagi menguat dan mengekalkan halangan lembapan semula jadi kulit. Anda juga boleh menyesuaikan ia dengan menambah haruman dan Faktor Pelindung Matahari (SPF) ke dalamnya.

ageLOC Me™ Night

Pelembap ageLOC Me™ Night dirumus khas untuk melembap dan meremajakan kulit anda ketika sedang tidur. Ia menyamankan kulit di samping membantu proses pemulihan kulit di waktu malam secara semula jadi.



ageLOC Me™ Serums

Serum yang datang dalam 3 bentuk kartij berbeza dan berganding untuk memperbaiki tanda-tanda jelas penuaan. Teknologinya yang unik membolehkan lebih banyak bahan aktif diserap oleh kulit hanya dengan satu langkah. Peranti ageLOC Me™ menyusun kesemua serum tersebut kepada 40 lapisan menggunakan "Teknologi Mikrolapisan" agar kandungan bahan utama di dalamnya dapat disebar sekata, mengoptimumkan kombinasi serum dan meningkatkan kadar serapan formulasi tersebut ke dalam kulit.

PERANTI PINTAR



Mod semi-automatik dan automatik membenarkan anda menyesuaikan penyampaian produk harian secara khusus



Mod kunci membolehkan anda mengunci peranti bagi tujuan mudah alih dan menghalang pengguna lain menggunakannya



Terdapat 29 pilihan bahasa untuk disesuaikan kepada paparan skrin peranti



Pengesan baki dosej membolehkan anda bersedia untuk membuat pesanan baru



Peringatan harian membantu anda mengikut regimen yang telah ditetapkan



Format 24-jam atau 12-jam membolehkan anda menetapkan masa mengikut waktu semasa

COMPATIBLE WITH VARIOUS SKIN CARE PRODUCTS




ageLOC® Gentle Cleanse & Tone

Membersih, menyuci dan menambah kelembapan kulit dan juga menyediakan kulit untuk menerima bahan-bahan berteknologi maju anti-penuaan. Membuatkan kulit terasa lembut, segar dan muda remaja.



ageLOC® Galvanic Spa with ageLOC® Facial Gels

Memperkenalkan teknologi mikroarus untuk membantu merangsang dan mengkontrur kulit agar kelihatan lebih remaja.



Tru Face IdealEyes

Membantu mengatasi masalah kantung mata dan berkesan melembap, menghalus dan mengurangkan garis halus di sekitar mata



Tru Face Line Corrector

Membantu menyasarkan tanda-tanda penuaan di samping mengurangkan garis kedutan di sekitar mulut, mata dan dahi.



ageLOC® Tru Face Essence Ultra

Mengkontrur dan menegangkan kulit, melindungi kulit dari radikal bebas dan membentuk kulit yang anjal di sekitar mata, leher, dagu dan pipi

Dengan ageLOC Me™, anda yakin cantik setiap hari. Kunjungi Pusat Distributor Nu Skin sekarang dan temui kuasa menjadi diri anda!



BIARKAN MEREKA *Bangga!*

Kejayaan yang paling bermakna adalah apabila anda mampu membuat ibu dan bapa tersenyum bangga. Dengan jadual kerja yang padat serta kesibukan hidup seharian, ianya hampir mustahil untuk mengimbangi antara masa untuk kehidupan dan meluangkan masa bersama ibu bapa anda.

Selain daripada menggembirakan hati ibu bapa anda dengan cara meluangkan masa bersama mereka, kerap telefon bertanyakan khabar, membawa mereka keluar makan atau merancang percutian mereka, ada banyak lagi cara lain untuk membuat ibu bapa anda gembira. Salah satunya adalah melalui perbuatan amal dengan membantu mereka yang memerlukan. Bak kata pepatah “Memberi adalah lebih baik daripada menerima”, amalan budaya Nu Skin membolehkan anda memainkan peranan dan memberi semula kepada masyarakat.

Perbuatan mulia dan sikap pemurah anda akan membuatkan ibu bapa anda merasa bangga kerana anda menjadi daya untuk kebaikan!

RAIKAN KANAK-KANAK PADA MUSIM MEMBERI

Selama lebih daripada 16 tahun, Nu Skin Force For Good Foundation telah menyumbangkan jutaan USD untuk memperbaiki tahap kesihatan, masalah buta huruf dan keadaan ekonomi yang melibatkan kanak-kanak di lebih dari 50 buah negara di



serata dunia. Budaya Force For Good telah menyatukan para pengedar, pelanggan, dan pekerja dalam pelbagai usaha inovatif yang menggandakan keupayaan syarikat untuk meningkatkan lagi taraf kehidupan kanak-kanak seluruh dunia.

Pada bulan Disember and Januari, ramai dari negara yang berlainan menyambut cuti dan merayakan bulan kesyukuran, serta mencari peluang untuk memberi kepada mereka yang memerlukan. Keadaan kemarau yang teruk di Malawi pada musim yang lalu menyebabkan banyak keluarga kehabisan makanan. Melalui gabungan Nu Skin dan USAID (United States Agency for International Development) di Malawi, Nu Skin menyumbangkan 20,000 beg VitaMeal setiap bulan untuk diagihkan kepada kanak-kanak di kawasan yang terjejas akibat kemarau.

Bagi menyelesaikan masalah tersebut, Nu Skin telah menawarkan promosi Musim Memberi dan bersama dengan kemurahan hati anda, Nu Skin telah menambah tiga

kali ganda stok VitaMeal bagi menyediakan 10 beg tambahan untuk setiap 30 beg yang anda beli dan dermakan. Setiap beg individu VitaMeal menyediakan hidangan berkhasiat untuk 30 kanak-kanak, dan dengan usaha gigih bersama, Nu Skin berharap dapat melipat gandakan impaknya dalam memberi lebih sinar harapan kepada kanak-kanak semasa musim cuti!

Marilah kita bersama-sama mengubah kehidupan di seluruh pelusuk dunia, melalui pemberian derma VitaMeal. Sikap bermurah hati dan suka memberi merupakan salah satu cara yang terbaik untuk merayakan percutian.

Kita mungkin tidak mampu membayar balik nilai kasih sayang, pengorbanan dan perhatian yang kita perolehi dari ibu bapa semenjak kita dilahirkan. Namun begitu, kita boleh biarkan mereka merasa bangga dengan menjadi Daya Untuk Kebaikan dan memberi makna di dalam kehidupan mereka yang memerlukan, di dalam masyarakat kita dan di seluruh dunia!


Snapshot



STAR CREATOR TRIP 2017
2 – 6 April 2017
Dubai & Abu Dhabi



2017 GO STAR CAMP
20 April 2017
Empire Hotel Subang



2017 TEAM ELITE TRIP
17 – 25 Mei 2017
Barcelona



**Nu Skin
ageLOC® EXPO 2017**
6 Mei 2017
Johor Bahru & Penang
Distributor Center



12 -13 Mei 2017
PNB Darby Park
Retail Lobby Kuala Lumpur





NU SKIN.
DISCOVER THE BEST YOU™



NU SKIN (MALAYSIA) SDN. BHD (400767473) License No. A-11-907804
Lot 10505, Level 1, PNB Doby Park Retail No. 10, Jalan Bering, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: 603 2110 1808 Fax: 603 2110 1957 www.nuskin.com.my

نوسکین فوٹو ایکس (مالی) سٹدیوز

NU SKIN PHARMANEX (B) SDN BHD
D-1, B-1, Lot 1630, Jalan Gledang, Bandar Seri Begawan BE 910, Brunei Darussalam
Tel: 673 2 422 225 Fax: 673 2 407 216 www.nuskin.com.bn